



**KEMENTERIAN  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**



**PLANMalaysia**

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning: Beyond Conventional*

## **Teks Ucapan**

**YBrs. TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin  
Ketua Pengarah  
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

**SEMPENA MAJLIS PERSARAAN PERINGKAT JABATAN  
TAHUN 2021**

**Tema  
“Permata Berharga Kilauan Abadi”**

**25 Oktober 2021  
(Isnin)**

**Secara Hybrid  
Hotel Lexis Hibiscus, Port Dickson  
&  
Atas Talian  
Aplikasi WEBEX**

**Terima kasih kepada saudara dan saudari pengacara majlis,**

**YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;**

**YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Hj Abd. Muttalib  
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;**

**YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib  
Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan;**

**YBhg. Datuk TPr Mohd Faidzal Bin Hamzah  
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), PLANMalaysia;**

**YBrs. TPr Jasmiah Binti Ismail  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), PLANMalaysia;**

**Pengarah-Pengarah Bahagian;**

**Pengarah-Pengarah PLANMalaysia@Negeri;**

**Para Pesara yang diraikan;**

**Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi  
sekalian.**

**Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana hidayah dan 'inayahNya, kita dapat berkumpul dalam Majlis Persaraan Jabatan secara hybrid bagi meraikan 14 orang pegawai yang telah dan akan bersara termasuk diri saya sendiri yang akan bersara pada 26 November 2021. Ingin juga saya maklumkan bahawa, seorang pegawai jabatan ini telah diberikan persaraan terbitan kerana beliau telah kembali kerahmatullah pada 17 Mei 2021 akibat masalah kesihatan iaitu Encik Khairul Azlan Bin Ramli. Marilah kita bersama-sama membacakan Al-Fatihah agar roh Allahyarham dirahmati Allah SWT "Al-Fatihah".

**YB. Dato' Sri/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,**

2. Sesungguhnya Para pesara yang diraikan pada malam ini diibaratkan permata yang sentiasa berkilau dan berharga disebabkan oleh jasa bakti yang telah disumbangkan sepanjang tempoh berkhidmat di PLANMalaysia. Khidmat bakti YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan selama ini amatlah tinggi nilainya. Ia amat bersesuaian dengan tema majlis kita pada malam ini iaitu "Permata Berharga Kilauan Abadi". Lebih manis lagi persaraan pada tahun ini bersempena dengan Sambutan 100 Tahun Profession Perancang Bandar Di Malaysia pada tahun ini.

3. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih di atas kesudian **YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan** dan **YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan** kerana meluangkan masa untuk bersama-sama kami dalam majlis ini. Mudah-mudahan ia dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dan ukhuwah sesama kita keluarga PLANMalaysia.
  
4. Ini amat bertepatan dengan konsep “Keluarga Malaysia” yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bagi merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagih secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar. Dalam konteks Jabatan, kita merupakan sebuah keluarga (Keluarga PLANMalaysia) yang sering berganding bahu dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan demi kesejahteraan rakyat. Saya amat berharap semangat Keluarga PLANMalaysia ini terus mekar untuk membantu kerajaan menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan.

5. Saya percaya sepanjang tempoh perkhidmatan, kita telah mengharungi pelbagai pengalaman suka dan duka. Saya juga yakin, banyak pengetahuan yang telah ditimba dan dikecapi yang patut dijadikan sebagai contoh dan tauladan oleh generasi yang masih berkhidmat sekarang bak kata pepatah Melayu “Pengalaman merupakan guru yang terbaik”. Saya juga percaya, kita akan merindui setiap saat yang telah kita lalui sepanjang berkhidmat sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa di Jabatan ini.
  
6. Saya secara tulus ikhlas menyatakan sebagai seorang Ketua Pengarah masih lagi terdapat perkara-perkara yang ingin saya sumbangkan kepada Jabatan. Namun, masa amat mencemburui saya dan kita semua. Sudah menjadi lumrah kehidupan setiap yang bertemu pasti akan berpisah, setiap yang bermula pasti akan berakhir begitu juga dalam perkhidmatan awam. Persaraan bukanlah satu noktah. Sebaliknya ia menjadi satu titik permulaan kepada lembaran baru dalam kitaran hidup seorang penjawat awam.
  
7. Saya pasti bahawa YBhg. Dato’/ Tuan/ Puan telah mempunyai perancangan masing-masing sebagai seorang persara. Mungkin ada yang akan terus menyumbang tenaga dalam

aspek perancangan bandar ataupun memilih untuk berehat dan meluangkan lebih masa bersama keluarga tercinta. Walau apa pun yang telah dirancang, manfaatkanlah sebaiknya. Saya berharap curahkanlah segala pengalaman yang diperoleh sepanjang tempoh perkhidmatan untuk kebaikan dan kesejahteraan komuniti dan masyarakat sekeliling. Percayalah, sesungguhnya segala pengalaman dan pengetahuan yang telah diperolehi oleh YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan amat tinggi nilainya.

8. Di kesempatan ini, saya juga ingin berpesan supaya kita semua mengamalkan gaya hidup dan pemakanan yang sihat kerana mencegah adalah lebih baik dari mengubati. Saya menyeru supaya kita semua sentiasa mematuhi SOP dan mengamalkan kebersihan sendiri dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Covid-19. "Kita Jaga Kita".
9. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang. Semoga segala kenangan sebagai seorang Pegawai Perancang Bandar dan Desa menjadi memori indah yang mewarnai kehidupan YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan semua.

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak urus setia kerana telah mengadakan majlis ini dengan jayanya. Maka dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan tiga (3) rangkap pantun;

*Tuai padi antara masak,  
Esok jangan layu-layuan,  
Intai kami antara Nampak,  
Esok jangan rindu-rinduan.*

*Akar keladi melilit selasih.  
Selasih tumbuh di dalam taman,  
Junjungan budi kenangan berkasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.*

*Kalau ada sumur di ladang,  
Boleh kita menumpang mandi,  
Kalau ada umur yang Panjang,  
Boleh kita berjumpa lagi.....*

**Sekian, Terima Kasih, Wabilahi Taufiq Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**